



JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA

No 20, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62551 WP PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8000 8000
Faks: 603-8880 8288
Laman Web: www.jpn.gov.my
E-mel: pro@jpn.gov.my



Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (43)
Tarikh : 28 Jun 2016

**Ketua Pengarang,
Makkal Osai**

Telah difakskan pada: 28 JUN 2016

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR MAKKAL OSAI BERTAJUK
"MOHON PENJELASAN YANG TELITI, ISU KAD PENGENALAN
MERAH AMANAH LETCHUMAN KEPADA MIC" BERTARIKH 28 JUN
2016, JUMAAT – M.S: 5**


Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Encik Letchumanan berkaitan isu penukaran kad pengenalan merah kepada kad pengenalan biru bagi mereka yang lahir sebelum 1957.

3. Ingin dimaklumkan, pada 27 Jun 2016 yang lalu satu pesanan aplikasi sosial media Whatsapp telah diviralkan mengenai satu program yang dianjurkan MIC *Information Team* dengan kerjasama SITF iaitu Ops IC Merah dan pesanan tersebut menyatakan "... Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memberi kelulusan khas untuk menukar ke Kad Biru dibawah program MyDaftar, SITF..."

4. Ingin dijelaskan bahawa kenyataan tersebut adalah tidak benar dan pihak KDN telah membuat satu kenyataan bagi menafikan perkara tersebut. Untuk makluman, JPN sentiasa menerima dan memproses setiap permohonan kewarganegaraan yang lengkap berdasarkan peraturan sedia ada seperti yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

RAKYAT DI HATI JPN



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2005
CERT. NO.: AR 4763

5. Pemberian taraf kewarganegaraan merupakan anugerah tertinggi Kerajaan Malaysia kepada orang asing. Walaupun pemohon mempunyai kelayakan dan memenuhi kesemua syarat yang telah ditetapkan namun penganugerahan tersebut adalah tertakluk kepada pertimbangan dan budi bicara Kerajaan Malaysia serta tidak layak untuk dipersoalkan.

6. Sehubungan dengan itu, sekiranya ingin mendapatkan keterangan lanjut berhubung perkara ini bolehlah menghubungi Unit Komunikasi Korporat (UKK), JPN Putrajaya di talian 03 – 8880 7077 atau e-mel ke pro@jpn.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

📠 : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBr. Tuan KPPN
2. YBr. TKPPN (P)
3. YBhg. Dato' TKPPN (O)